



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50582 KUALA LUMPUR.

Telefon : (03)26969011
Telefax : KRT MA 30415
Kawat : MINWORK, KUALA LUMPUR
Fax : (03) 26921202
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>



Ruj. Kami: (40)dlm.JKR.KPKR.020.030/003/061 Jld.9

Tarikh : 23 April 2009

Senarai Seperti Edaran

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN DAN UJIAN KEMAHIRAN KETUKANGAN
ANJURAN JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**
**- Tindakan Kepada Calon Yang Tidak Hadir Peperiksaan Jabatan
dan Ujian Kemahiran Ketukangan**

Dengan segala hormat saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Surat edaran ini bertujuan untuk menjelaskan tindakan-tindakan yang akan diambil terhadap calon-calon yang ditawarkan menduduki Peperiksaan Jabatan dan Ujian Kemahiran Ketukangan tetapi tidak menghadiri Peperiksaan dan Ujian berkenaan.


3. Untuk makluman kepada para 44 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 menyatakan bahawa calon-calon yang tidak hadir menduduki peperiksaan tanpa alasan yang munasabah, tindakan penangguhan dari menduduki peperiksaan seterusnya selama dua belas (12) bulan akan dikenakan kepada calon berkenaan.

4. Berhubung perkara ini, Seksyen Peperiksaan Jabatan JKR mendapati bilangan calon tidak menghadiri peperiksaan semakin meningkat dari masa ke masa. Selaras dengan Pekeliling tersebut, tindakan di bawah akan dikenakan kepada calon-calon berikut:

i. **Calon Tidak Hadir Menduduki Mana-mana Subjek Peperiksaan**

Calon yang memohon untuk menduduki peperiksaan lebih dari satu Subjek Peperiksaan; WAJIB hadir menduduki KESEMUA Subjek Peperiksaan yang telah dimohon. Kegagalan calon untuk menduduki KESEMUA Subjek yang dimohon akan dianggap sebagai tidak hadir Peperiksaan berkenaan. Lanjutan dari itu, keputusan peperiksaan bagi Subjek yang dihadiri calon akan dibatalkan dan calon akan dikenakan sekatan/penggantungan dua belas (12) bulan dari menduduki Peperiksaan Jabatan seterusnya.

...2/-



MS ISO 14001 CERT NO J011301102

ii. **Calon Tidak Hadir Menduduki Peperiksaan**

Calon yang tidak hadir bagi keseluruhan Peperiksaan akan dikenakan sekatan/penggantungan dua belas (12) bulan dari menduduki Peperiksaan Jabatan seterusnya.

5. Bagi calon-calon yang tidak menghadiri peperiksaan seperti di para 4 di atas, hanya tiga (3) perkara di bawah sahaja yang akan dipertimbangkan untuk pemberian pelepasan kepada calon berkenaan iaitu :

- a) Jatuh sakit sebelum/semasa peperiksaan
- b) Kematian/sakit teruk ahli keluarga terdekat semasa peperiksaan
- c) Bencana alam/bencana sebelum/semasa peperiksaan

6. Sebarang rayuan yang beralasan bahawa calon perlu melaksanakan tugas penting di atas arahan Pegawai Atasan akan ditolak.

7. Surat rayuan pelepasan tindakan sekatan/penggantungan menduduki peperiksaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh **satu (1) bulan** dari hari terakhir sesi peperiksaan tersebut. Surat rayuan pelepasan ini mestilah dibuktikan menerusi salah satu daripada dokumen berikut sama ada surat doktor, surat Jabatan, laporan Polis, salinan sijil kematian dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan, dan **WAJIB** disokong oleh Ketua Jabatan.

8. Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada kakitangan Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dengan memaparkan surat ini di papan notis di pejabat Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan amatlah kami hargai. **Peraturan ini berkuatkuasa serta-merta mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TENGKU MUHAMAD BIN TENGKU ABDULLAH)

Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Cawangan Pengurusan Korporat
b.p. Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Malaysia

- s.k.:
- 1) Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya II (Sektor Pengurusan)
 - 2) Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat
 - 3) Ketua Unit Pembangunan Prestasi dan Kompetensi
 - 4) Ketua Seksyen Peperiksaan Jabatan